

20 OCT 1997

Parlimen-DAP

DAP SEDIA PERTAHAN DR MAHATHIR JIKA BARAT CUBA JATUHKANNYA

KUALA LUMPUR, 20 Okt (Bernama) -- DAP hari ini memberi pengakuan akan memberi sokongan sepenuhnya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad jika Amerika Syarikat (AS) ataupun negara-negara barat memaksa perubahan pucuk pimpinan politik negara ini.

Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang (DAP-Tanjong) memberi pengakuan ini di Dewan Rakyat ketika membahaskan rang undang-undang Belanjawan 1998.

"Sungguhpun DAP sebuah parti pembangkang, kita akan memberi sokongan sepenuhnya kepada Dr Mahathir sekiranya AS ataupun negara-negara Barat cuba campur tangan dalam hal ehwal politik dalaman Malaysia dengan memaksa penukaran pucuk pimpinan politik yang tidak disukainya," kata beliau.

Lim yang juga Ketua Pembangkang berkata, sama ada Dr Mahathir terus menjadi Perdana Menteri negara ini atau tidak, adalah urusan rakyat Malaysia sendiri dan bukan urusan AS mahupun negara Barat yang lain.

Beliau sebelum itu merujuk akhbar New Sunday Times semalam yang menerbitkan satu kartun memaparkan "Uncle Sam" yang menggunakan media Barat untuk memaksa Malaysia menukar pucuk pimpinan politik negara dengan ugutan "Change Your Leaders Or We Will Take All Your Money" (Tukar Para Pemimpin Anda Atau Kami Akan Mengambil Semua Wang Anda).

Lim yang berucap hampir satu jam 45 minit juga berkata, DAP sedia memberi sokongan sepenuhnya kepada Dr Mahathir dan Kerajaan dalam usaha mengatasi krisis matawang serta pasaran saham dengan asas yang lebih kukuh lagi.

Bagaimanapun parti itu tidak dapat memberikan sokongan secara membuta tuli tetapi mahukan Perdana Menteri bertindak berhati-hati dalam mengeluarkan sebarang kenyataan pada masa ini, ketika semua pihak sedang berusaha memulihkan keyakinan terhadap ekonomi negara ini, katanya.

Sementara itu beliau juga meminta rakyat negara ini supaya tidak menyokong atau percaya secara membuta laporan media asing mengenai Malaysia dan pada masa yang sama tidak juga menolak secara membuta apa yang terkandung dalam laporan-laporan itu.

DAP menyokong cadangan Dr Mahathir supaya digariskan peraturan antarabangsa demi mencegah serangan dan manipulasi dalam pasaran matawang antarabangsa," katanya.

Mengenai Belanjawan 1998, beliau berkata, kenaikan bayaran pasport dan lesen memandu untuk mengutip tambahan hasil berjumlah RM280 juta (tambahan pendapatan RM130 juta daripada kenaikan kadar yuran pasport dan tambahan pendapatan RM150 juta dari kenaikan kadar yuran lesen memandu) adalah tidak adil dan menyusahkan rakyat.

Langkah itu boleh dielakkan jika pengurangan cukai syarikat daripada 30 peratus menjadi 28.5 peratus dan bukannya kepada 28 peratus memandangkan 0.5 peratus itu sudah cukup dan malah melebihi RM280 juta yang dikutip daripada penambahan kadar pasport dan lesen memandu, katanya lagi.

Mengenai perang rasuah oleh Kerajaan, Lim mahu laporan hasil siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadap enam Menteri, dua Timbalan Menteri, seorang Setiausaha Parlimen dan lapan anggota Exco kerajaan negeri dibentangkan di Dewan Rakyat bulan depan bagi memulihkan keyakinan semua pihak terhadap langkah kerajaan itu.

Beliau turut meminta Jemaah Menteri supaya bertanggungjawab merundingkan semula kontrak tol Projek Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) untuk menghentikan kenaikan tol tahunan memandangkan kepentingan awam telah terjejas oleh kontrak penswastan yang tidak adil.

Lim mahu satu suruhanjaya "pemerhati" mengenai penswastan ditubuhkan untuk mewujudkan satu mekanisme bagi memastikan projek-projek penswastan yang dibuat atas kepentingan rakyat benar-benar memberi faedah dan bukannya membebankan mereka.

Satu contoh projek penswastan yang bukan menepati tujuannya ialah kontrak 15 tahun kepada Agensi Pemantauan Pemeriksaan Perubatan Pekerja Asing (Fomema) untuk memonopoli pemeriksaan perubatan terhadap pekerja asing.

Kadar bayaran yang lebih tinggi yang dikenakan oleh Fomema berbanding kadar biasa sekarang akan membebankan rakyat dan ia sangat jelas memberi monopoli kepada syarikat itu. -- BERNAMA

AFY PR